



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 2/2017
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNya jua Negara Brunei Darussalam telah dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan yang berterusan pada tahun 2016 yang baru saja menutup tirainya dan muncul pula tahun baru masihi 2017. Keamanan dan kesejahteraan tersebut adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang tiada terhingga dan juga berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan sokongan padu rakyat dan penduduk di negara ini.

Dengan kehadiran Tahun Baru Masihi 2017, marilah sama-sama kita, khususnya warga perkhidmatan awam mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Tahun Baru Masihi 2017 dan seterusnya menjunjung tinggi hasrat Baginda itu melalui komitmen dan kerja keras kita selaku jentera penggerak Kerajaan Baginda. Antaralain Baginda bertitah seperti berikut:

1. Keamanan adalah penting, kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, rukun keamanan, mustahaklah dipelihara dan diamalkan, iaitu memegang kuat ajaran ugama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu;
2. Perlu diingat bahawa anasir-anasir anti keamanan dan ketenteraman tidak pernah lupa untuk mengeruhkan keadaan. Mereka tidak pernah sealiran tujuan dengan kita. Kerana itu kita perlu berhati-hati terhadap mereka itu;
3. Usaha juga perlu diambil untuk menghadapi ancaman yang datangnya daripada dunia siber dan media sosial, termasuk juga untuk memperkukuh lagi perkongsian strategik dengan institusi-institusi keselamatan siber antarabangsa;
4. Pencapaian dalam kedudukan negara dalam "ease of doing business" adalah hasil daripada komitmen dan kerjasama erat di antara agensi-agensi kerajaan dan lain-lain pihak yang berkepentingan. Namun kita tidak wajar untuk cepat berpuas hati, tetapi sebaliknya perlu lebih aktif dan lebih tinggi semangat pada meningkatkan lagi pencapaian tersebut;
5. Perkhidmatan Awam perlu terus meningkat dan produktif. Masih banyak lagi yang boleh diperbaiki, terutama mengenai penerapan nilai-nilai utama dalam Perkhidmatan Awam;



6. Jentera kerajaan perlu kaya dengan disiplin dan kaya dengan amanah dalam menjalankan tugas, sebagai cara untuk meraih berkat dalam perkhidmatan;
7. Menjelang tahun 2017 ini, akan berlaku satu lagi sejarah, apabila negara akan merayakan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menaiki takhta. Sambutan ini sangat besar ertinya, sebagai cara, untuk kita menghargai sejarah;
8. Dalam perayaan yang dirancang bagi Sambutan tersebut, semua pihak akan mengamalkan sifat bersederhana. Apa yang penting ialah perayaan atau sambutan sebagai sifatnya 'petanda' bagi sejarah yang merupakan 'lidah' zaman, yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi tanpa pernah mengenal penat atau bosan;
9. Sifat sederhana itu termasuklah memberi keutamaan apa yang utama, tetapi bukanlah menjadi tujuan untuk menyempitkan wawasan bagi masa depan yang panjang;
10. Berharap rakyat dan penduduk negara ini menguatkan azam dan usaha ke arah menjadikan diri masing-masing lebih proaktif, kreatif dan berintegriti dalam menghadapi segala cabaran; dan
11. Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan dan sektor swasta di atas usaha ikhlas mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing pada sepanjang tahun 2016.

Dalam menanai dan mendokong tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas, Jabatan Perdana Menteri sangat-sangat berharap warga perkhidmatan awam di negara ini untuk mengambil langkah-langkah yang lebih pro-aktif, berfikiran lebih jauh dan bersemangat waja bagi membina perkhidmatan awam yang hebat sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perjuangan kita perlu diteruskan dalam memperbaiki pelbagai kelemahan dengan perubahan minda dan sikap. Kerjasama yang kukuh sangat diharapkan bagi melaksanakan pembaharuan perkhidmatan awam yang lebih terarah melalui inisiatif-inisiatif pembaharuan sepertimana yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) 2016-2020 bagi mencapai matlamat-matlamat Wawasan 2035.

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri sukacita menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di Luar Negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita selaku warga perkhidmatan awam dalam membangun negara akan sentiasa dirahmati dan diberkati serta mendapat petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selamat Tahun Baru 2017
"MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA MEMBAWA KESEPADUAN"

(DATO PADUKA HAJI YAHYA BIN HAJI IDRIS)
Setiasaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (2)JPM/SK/2017
Tarikh: 26 Rabiulakhir 1438
24 Januari 2017